

PENGAJARAN BERPASANGAN

1. Konsep

Satu strategi yang melibatkan dua orang pelajar bekerjasama merancang pengajaran dan pembelajaran, memerhati pengajaran rakan sebaya dan memberi maklum balas tentang persediaan dan penyampaian pelajaran semasa amalan profesional.

2. Objektif

Melalui pengajaran berpasangan pelajar dapat :

- 2.1 mewujudkan kerjasama dalam kalangan pelajar secara formal berasaskan ungkapan “ *two heads are better than one*”.
- 2.2 berfikir dan berbincang mengenai teknik pengajaran dan pembelajaran, cara-cara meningkatkan pembelajaran murid dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan tugas mereka.
- 2.3 berlatih dan mencuba pelbagai kemahiran mengajar.
- 2.4 mengkaji kelemahan pengajaran dan pembelajaran mereka dan berikhtiar mencari jalan untuk mengatasinya.
- 2.5 Memerhati pengajaran orang lain dan membina kemahiran memerhati serta menilai.
- 2.6 Meningkatkan kreativiti.

3. Garis Panduan

3.1. Pengajaran berpasangan mengandungi ciri-ciri yang berikut :

3.1.1. Peringkat-peringkat perkembangan kemahiran :

- a) Pengurusan bilik darjah dan merancang persediaan mengajar.
- b) Kemahiran mengajar
- c) Menganalisis dan mengkaji semula kemahiran mengajar serta mencuba pendekatan, strategi, kaedah dan teknik yang berlainan

3.1.2. Proses pembelajaran berlaku melalui :

- a) perbincangan
- b) pemerhatian dan
- c) maklum balas

3.1.3. Jenis-jenis interaksi :

- a) “Tandem” : proses dalam aktiviti pengajaran berpasangan iaitu dua orang pelajar bersama-sama merancang dan mengajar sesuatu pelajaran.
- b) “Berpasukan” : proses interaksi dalam aktiviti pengajaran berpasangan iaitu dua orang pelajar bersama-sama merancang pengajaran tetapi mengajar berasingan.

- c) “Individu” : proses interaksi dalam aktiviti pengajaran berpasangan iaitu dua orang pelajar berbincang bersama tetapi menyediakan pelajaran dan mengajar berasingan.
- 3.2. Pengajaran berpasangan hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 2 kali pada setiap peringkat praktikum.
 - 3.3. Pelaksanaan pengajaran berpasangan adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak Unit Praktikum.
 - 3.4. Penyeliaan pengajaran berpasangan tidak diberikan gred.
4. **Perkara-perkara Yang Diberi Perhatian Dalam Pengajaran Berpasangan**
- 4.1. Pensyarah perlu menyedarkan pelajar bahawa percanggahan idea perlu diatasi secara profesional.
 - 4.2. Pelajar dikehendaki menetapkan masa dan kelas di mana pengajaran berpasangan akan dijalankan.
 - 4.3. Guru pembimbing/pensyarah pembimbing memastikan pengajaran berpasangan dijalankan.
 - 4.4. Pelajar diberi latihan semasa pengajaran mikro / makro.